

Utusan bolot dua anugerah media MBPJ

UTUSAN MALAYSIA 18/03/2019 MS

PETALING JAYA 17 Mac - Utusan Malaysia memenangi dua anugerah pada Majlis Apresiasi Media anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di sini baru-baru ini.

Mohd. Fadhil Abdollah dari Mangga Media (Utusan Karya) memenangi Anugerah Penghargaan Liputan Berita Media Hiburan, sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM1,000 beserta sijil dan plak penghargaan.

Wartawan *Utusan Malaysia*, Nik Hafizul Baharuddin pula menang hadiah saguhati Anugerah Media Elektronik dan Digital dan membawa pulang wang tunai RM500 beserta sijil.

Anugerah disampaikan oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, Datuk Mohd. Azizi Mohd. Zain dalam majlis yang diadakan di Dewan Sivik MBPJ.

Anugerah Media MBPJ diberikan kepada wartawan dan jurufoto dalam liputan berita dan artikel bagi kategori Anugerah Media Cetak Terbaik, Anugerah Media Elektronik dan Digital Terbaik serta Anugerah Penghargaan Liputan Berita Media Hiburan, Ra-



WARTAWAN Utusan Kota, Nik Hafizul Baharuddin bersama Mohd. Fadhil Abdollah (kanan) memenangi anugerah Majlis Apresiasi Media MBPJ di Dewan Sivik MBPJ, Petaling Jaya Selangor baru-baru ini.

dio dan Fotografi.

Penganugerahan dipilih berdasarkan kualiti dan impak positif laporan berita, editorial, advertorial, rangkuman isu serta gambar-gambar pelbagai aktiviti anjuran MBPJ.

Sementara itu, Mohd. Azizi berkata, majlis itu bertujuan merapatkan hubungan selain menghargai dan mengiktiraf pengamal media yang banyak memberikan sokongan kepada pihaknya dalam setiap berita yang dilaporkan.

“Saya berharap dengan jali-

nan kerjasama yang erat ini, rakan media akan saling berinteraksi dalam menyebarkan maklumat kepada orang ramai khususnya penduduk Petaling Jaya.

“Sebaran maklumat yang tepat dan jelas dapat meningkatkan lagi kefahaman warga Petaling Jaya terhadap perkhidmatan perbandingan MBPJ selaras dengan kehendak dan ekspektasi mereka,” katanya ketika berucap menyempurnakan majlis yang dihadiri kira-kira 100 pengamal media.